

# UEC hanya perlekeh SPM, STPM

Utusan Malaysia 19-7-2018

**KUALA LUMPUR 18 Julai** - Pelaksanaan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) secara jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai ketetapan dan pendirian dalam menentukan hala tuju serta dasar negara.

Malah, tokoh sosiobudaya, Tan Sri Dr. Rais Yatim menegaskan, pelaksanaan UEC juga hanya dilihat demi kepentingan satu kaum semata-mata dan 'memperlekehkan' taraf sistem pendidikan terutama Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Selain itu, katanya, isu UEC juga perlu dilihat dengan skop yang lebih luas dan bukan hanya mengikut janji politik yang dibuat sebelum ini.

"Hal pendidikan negara perlu ke arah yang lebih jitu dan isu UEC adalah isu berkaitan pembentukan negara lebih-lebih lagi dalam situasi sekarang yang lebih menjurus kepada perkauman di mana suara kaum Cina yang menentang bangsa Melayu.

"Oleh itu, Kementerian Pendidikan sebenarnya perlu perhalusi lagi isu ini termasuk menjadikan sebagai satu sistem pendidikan kebangsaan sahaja dengan memperkasakannya demi kepentingan semua," katanya dalam program Sembang Online *Apa Istimewanya UEC?* di sini hari ini.

Program yang berlangsung selama satu jam itu turut menjemput Felo Utama Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Teo

Kok Seong.

Tambah Rais, kerajaan juga perlu mengkaji semula Akta Pendidikan 1996 serta mewujudkan bahagian tertentu dalam mentadbir universiti swasta dan sekolah di negara ini.

"Kira-kira lebih 10,000 sekolah, 21 universiti awam (UA) dan 48 universiti swasta di bawah seorang menteri. Jadi bahagian yang mentadbir sekolah dan universiti swasta misalnya perlu melihat adakah mereka lebih menjurus kepada kepentingan negara?

"Setahu saya, universiti swasta cukup bebas sehingga hendak belajar Bahasa Malaysia pun mereka tidak lakukannya. Begitu juga dengan sistem persekolahan satu aliran dengan melakukan penambahbaikan. Kita tidak perlukan banyak (sistem), cukup sekadar satu sistem pendidikan," ujarnya.

Dalam pada itu Kok Seong berkata, kerajaan Pakatan Harapan perlu lebih berhati-hati menganjurkan dasar liberal terutama dalam masyarakat yang berbilang kaum.

"Rakyat melihat keputusan yang diambil terlalu singkat, hanya dalam masa dua bulan sahaja. Ia perlu ada pertimbangan yang bijak dan tidak terlalu cepat.

"Orang Melayu terutamanya, ada satu kejutan budaya dan pelaksanaan UEC hanya membangkitkan kemarahan mereka. Malah, UEC juga membuka pintu supaya sijil lain juga diiktiraf termasuk yang tiada kena mengena dengan kita," tegasnya.



Kementerian Pendidikan sebenarnya perlu perhalusi lagi isu ini termasuk menjadikan sebagai satu sistem pendidikan kebangsaan sahaja dengan memperkasakannya demi kepentingan semua."

**RAIS YATIM**  
Tokoh sosiobudaya